

Submission date: 04/05/2019

Accepted date: 19/08/2019

**HUBUNGAN KEMASYARAKATAN MUSLIM DENGAN NON-MUSLIM  
MENGIKUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH DI MALAYSIA***Relationship Community of Muslim and Non-Muslim According to the  
Perspective of Maqasid Shariah in Malaysia*Nur Mohammad Hadi Zahalan<sup>a</sup>, Meryem Abous<sup>b</sup>, Ahmad Syukran Bharuddin<sup>a</sup><sup>a</sup> Universiti Sains Islam Malaysia, Fakulti Syariah dan Undang-Undang<sup>b</sup> Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pelajar PhD  
Kulliyah Usulludin

hadi@usim.edu.my

ummu\_nurulhuda@yahoo.fr

ahmadsyukran@usim.edu.my

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan mengenai pandangan Al-Quran dan As-sunnah dalam meraikan hubungan antara muslim dengan non-muslim dalam kerangka Maqasid Syariah Di Malaysia. Kepelbagaian bangsa dan agama di Malaysia merupakan satu keunikan dan ia juga satu nikmat yang tidak terhingga. Toleransi yang terdapat dalam Agama Islam menyebabkan hubungan kemasyarakatan dapat dibina dengan baik, ia membolehkan kita saling hormat menghormati antara satu sama yang lain serta ia juga salah satu bukti kehebatan dan keagungan Allah yang menciptakan manusia dari pelbagai jenis rupa, bentuk dan budaya. Maka dengan memahami objektif Islam dalam hubungan kemasyarakatan, ia bakal mewujudkan kesatuan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain, yang mana ia saling melengkapkan diantara mereka bagi tujuan keamanan dan kesejahteraan dalam sesebuah negara. Perbezaan agama bukanlah menjadi penyebab akan kemunduran sesebuah negara, malahan Islam tidak pernah menghalang untuk mereka mempraktikan apa yang mereka yakini dan anuti. Ia berdasarkan Firman Allah "*Bagi kamu ugama kamu, dan bagiku ugamaku*"(Al-Kafirun: 6). Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk melihat sejauh mana hubungan kemasyarakatan muslim dengan non-muslim di Malaysia. Kajian ini juga akan menggunakan metod perpustakaan dan menjadikan kitab-kitab yang mu'tabar sebagai rujukan. Hasil dapatan kajian akan dicadangkan kepada

pihak-pihak yang berkepentingan agar dibuat satu dasar yang boleh menjaga pepaduan kemasyarakatan.

Kata kunci: Kemasyarakatan, Muslim, Non-Muslim, Maqasid Syariah.

### Abstract

This article discusses the views of the Quran and the *As-Sunnah* in celebrating the relationship between Muslims and non-Muslims in framework of the *Maqasid Shariah* in Malaysia. The diversity of races and religions in Malaysia is unique and it is also an endless blessing. The tolerance inherit in Islam cause the relationship of community can be built well, it also allows us to respect each other and also one of the proof or sign of the Allah's greatness and supremacy that has created humans in all kinds, shapes and cultures. Thus, by understanding the objectives of Islam in social relations, it will establish unity between one nation to another, where they complement each other for the purpose of peace and prosperity in a country. The differences in religion are not the cause of a country's decline because Islam has never prevented them from practicing what they believe and they obey. It is based on Allah's word "*For your religion and for me is my religion*" ( Al-Kafirun:6). The purpose of this study was to look the extent of community relations of Muslim and non-Muslims in Malaysia. This research will use the library research method and great scripture (*kitab*) as a reference. The result of the study will be suggested to the appropriate authorities to create a policy or base that can maintain the unity of society.

Keywords: Community, Muslim, Non-Muslims, Maqasid Shariah.

### PENGENALAN

Islam merupakan agama yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Ia merupakan tiga elemen yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam dan ia juga tidak boleh dipisahkan diantara satu sama yang lain. Tiga aspek ini bertujuan untuk mencapai keimanan kepada Allah.

Islam adalah satu agama yang membawa kepada kerahmatan. Firman Allah didalam Surah Al-Anbiyaa' 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

*Dan Tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam. (Surah Al-Anbiyaa':107)*

Maka dengan rahmat Allah yang dikurniakan kepada kita, Hubungan antara agama dapat dijalinkan kerana Islam tidak memaksa mana-mana manusia untuk memeluk

agama Islam bahkan Islam merupakan agama dakwah dan agama yang mementingkan kehidupan yang harmoni.

Hidup yang damai dan teratur merupakan dambaan setiap manusia tidak kira banga, agama dan kaum. Agama diturunkan untuk membawa kemaslahatan bagi manusia dan menolak sebarang keburukan yang boleh memudharatkan manusia. Kekacauan yang terjadi atas nama agama akan memunculkan stigma negatif terhadap pemeluk agama dan sekaligus ia memburukan agama itu sendiri. Demikian pula dengan Islam, yang datang membawa kedamaian dan keselamatan bagi manusia. Al-Quran sebagai pegangan hidup umat Islam pun tidak menyuruh kepada permusuhan sehinggakan berhalal-berhalal juga diminta supaya tidak dihina dan dicaci. Firman Allah:

ذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُغُوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

*Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan.*(Surah Al-Anaam:108)

Islam sebagai agama yang hadir membawa misi untuk mengatur hubungan manusia dengan tuhanNya dan hubungan manusia dengan sesamanya, termasuklah muslim dengan non-muslim.

Namun harus difahami walaupun Islam merupakan agama yang boleh bertoleransi, tidak semua prinsip-prinsip agama itu boleh mengalami sebarang pengubahsuaian. Maka, ketelitian dalam sesuatu masalah haruslah disemak oleh mereka-mereka yang arif bagi memastikannya tidak tersasar daripada landasan Islam yang sebenar.

### **KONSEP MAQASID SYARIAH DALAM MENERAPKAN HUBUNGAN MUSLIM DENGAN NON-MUSLIM**

Maqasid Syariah ialah tujuan sesuatu pengsyariaan sama ada dengan mendatangkan kebaikan (kemaslahatan) ataupun menolak keburukan (kemudharatan).

Syariah menurut metodologi ilmu Islam bererti apa sahaja yang ditetapkan oleh Allah سبحانه وتعالى untuk para hambanya dalam sudut akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan apa sahaja tata hidup didunia ini. Namun begitu, pada pandangan Imam al-Syatibi : “Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan maqasidnya untuk sekalian manusia iaitu untuk memberikan kebaikan (masalah) kepada mereka dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (mafsadah) daripada menimpa mereka sama ada didunia dan juga diakhirat (Al-Shatibi 2005)”.

Maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum. Antara istilah popular yang digunakan ialah maqasid syariah, maqasid al-Syari' (Allah SWT) dan al-maqasid al-syar'iyah (Ahmad al-Raisuni 1992).

Terdapat pelbagai pendefinisian telah dikemukakan oleh ulama usul fiqh tentang istilah maqasid. Ulama klasik tidak pernah mengemukakan definisi yang spesifik terhadap maqasid, malah al-Syatibi yang terkenal sebagai pelopor ilmu maqasid pun tidak pernah memberikan definisi tertentu kepadanya. Namun ini tidak bermakna mereka mengabaikan maqasid di dalam aspek hukum-hukum syarak. Pelbagai tanggapan dan tafsiran terhadap maqasid dapat dilihat di dalam karya-karya mereka. Melalui tanggapan dan tafsiran ulama klasik yang pelbagai tentang ciri-ciri maqasid inilah yang menjadi unsur pencetus kepada definisi-definisi maqasid yang dikemukakan oleh ulama kontemporari selepas mereka. Apa yang pasti ialah nilai-nilai maqasid syariah itu terkandung di dalam setiap ijthad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana nilai-nilai maqasid syariaah itu sendiri memang telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Hammad al-Obeidi 1995).

Sebagaimana disebutkan sebelum ini, para sarjana Islam kontemporari telah menjadikan rangkuman tentang tanggapan dan tafsiran ulama klasik sebagai asas definisi Maqasid al-Syariah. Ibn ‘Asyur misalnya mentakrifkan maqasid syariah sebagai pengertian dan rahsia yang dapat difahami daripada syariat Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariatkan (Mohammad al-Tahir al-Misawi 1998). ‘Alal al-Fasi turut mendefinisikan maqasid syariah dengan maksud objektif yang datang dari syariah dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh pembuat syariah bagi setiap hukum-hakamnya (Iwad bin Muhammad al-Qarni 1419). Al-Raysuni pula merumuskan kedua-dua definisi tersebut sebagai objektif yang ditentukan oleh syariat supaya dicapai bagi kepentingan manusia (Ahmad al-Raisuni 1998).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa syariat yang ditaklifkan kepada manusia oleh Syari' (Allah SWT) sememangnya mempunyai objektif tertentu dalam penentuan sesuatu hukum. Melalui definisi di atas dapat dilihat dengan jelas, para ulama telah bersependapat bahawa hukum syarak itu mengandungi hikmah dan maqasidnya yang tersendiri. Hukumnya berkisar mengenai tata-cara menjaga kemaslahatan manusia di dunia hinggalah ke akhirat (Yusuf al-Qaradawi 1993).

Penelitian para sarjana Islam terhadap sumber-sumber syariat Islam telah mengesahkan bahawa maqasid utama syariat Islam ialah untuk memberi

kemaslahatan kepada manusia samada membawa masalah (manfaat) atau menolak keburukan (mudharat) daripada manusia. Oleh itu, didapati semua hukum syarak bernaung di bawah konsep jaminan masalah kepada manusia bukan sahaja di dunia malah menjangkau alam akhirat sebagaimana dinukilkan daripada al-Izz B. Abd al-Salam bahawa Islam itu semuanya masalah, samada dengan mendatangkan masalah mahupun mengelakkan mudharat .

Maqasid Syariah tidak tertumpu kepada elemen syariah sahaja tetapi ia juga tertumpu kepada aqidah dan akhlak. Dibawah ini adalah pembahagian kemaslahatan secara ringkas yang perlu diraikan :

1. Ad-Dhoruriat (keperluan asas) didalam Bahasa Arab disebut ( **الضروريات** ) iaitu : perkara yang sangat penting didalam kehidupan dan ia tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan keagamaan dan keduniaan manusia. Dalam erti kata lain, jika ia tidak ada maka kehidupan manusia didunia ini akan menjadi kucar-kacir dan binasa. Para alim ulama' membahagikan ia kepada 5 bahagian :

- Menjaga agama
- Menjaga nyawa
- Menjaga akal
- Menjaga keturunan
- Menjaga harta.

Allah telah menyatakan tentang kepentingan menjaga kemaslahatan Ad-Dhoruriyat ini dalam firmanNya :

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يَبَايِعْنَكَ عَلَى أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْنَهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk Mengadakan janji setia, bahwa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat Dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik, Maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*(Al-Mumtahanah : 12)

2. Al-Hajjiyyat (keperluan) dalam Bahasa Arab disebut ( **الحاجيات** ) iaitu : apa yang diperlukan oleh manusia daripada sudut kelapangan dan mengangkat kesempitan ataupun kesulitan dalam kehidupan mereka.

Ia berbeza dengan yang pertama kerana jika Al-Hajiyyat ini tidak dapat dilaksanakan maka ia tidak sampai ketahap membinasakan manusia. Adapun kesan daripada meninggalkannya maka seseorang itu akan mendapat kesulitan sahaja dan kepayahan dalam melaksanakan perintah Allah kepadanya.

Tanpanya ia tidak menjejaskan lima perkara yang wajib dijaga tadi. Sementara Imam Syatibi menyatakan sekiranya tidak dilaksanakan masalah ini akan menyebabkan sedikit bebanan dan kepayahan namun tidak membawa kepada kerosakan kepada lima perkara tersebut.

3. At-Tahsiniyyat (penghias) dalam Bahasa Arab disebut (التحسينيات) : Telah berkata Imam Ghazali : iaitu sesuatu yang tidak kembali kepada perkara dhoruriyat dan hajiyyat akan tetapi ia sebagai pengelok ataupun penghias dalam sesuatu perkara (Abu Hamid, Muhammad bin Ghazali 1995).

Perkara tahsiniyyat adalah perkara yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Jika seseorang itu tidak menjaganya, maka ia juga akan memberi kesan kepadanya tetapi tidak sampai binasa ataupun kepayahan.

Islam adalah agama tinggi nilai-nilai keharmonian dan keadilan. Ini dibuktikan didalam firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

*Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*(Al-Hujaraat : 13)

Ayat ini sudah membuktikan bahawa Islam menerima kepelbagaian budaya, bangsa dan agama didalam kehidupan. Hal ini menjelaskan bahawa manusia secara fitrahnya dijadikan oleh Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku.

Kepelbagaian budaya, agama dan bangsa bukanlah lesen untuk kita berpecah belah dan bermusuhan diantara satu sama juga yang lain. Akan tetapi ia menunjukkan kekuasaan Allah kepada mereka-mereka yang mempunyai akal fikiran. Firman Allah:

وَمِنْ آيَاتِهِ خُلُقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالاخْتِلافُ اَلْسِنَتِكُمْ وَاَلْوَانِكُمْ اِنَّ فِي ذٰلِكَ لآيَاتٍ لِّلْعٰلَمِيْنَ

*Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain bahasa dan warna kulit kamu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui.*(Ar-Rum :22)

## **HUBUNGAN MUSLIM DAN NON-MUSLIM DI MALAYSIA**

MALAYSIA adalah sebuah negara yang unik kerana mempunyai penduduk yang menganuti pelbagai agama. Menurut Jabatan Perangkaan, pada 2010, daripada jumlah penduduk negara ini seramai 28 juta, 61.32 peratus daripada penduduk Malaysia beragama Islam, 19.84 peratus beragama Buddha, 9.24 peratus beragama Kristian, 6.27 peratus beragama Hindu, dan 1.26 peratus menganut agama tradisi lain orang Cina. Selebihnya menganuti agama lain.

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mampu mengharmonikan hubungan antara penduduknya yang berbilang bangsa dan agama sering dijadikan rujukan dan model contoh bagi negara-negara lain. Ini kerana kebanyakan masyarakat dunia hari ini memandang negatif kepada Islam dan menggagap Islam sebagai agama yang menggunakan pendekatan yang keras serta kolot. Penetapan elemen kesetiaan terhadap negara yang diterapkan dalam diri setiap rakyat Malaysia dilihat sebagai salah satu asas penting dalam mengamalkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini.

Hak dan kepentingan Islam dijamin dalam perlembagaan Malaysia namun begitu hak dan kepentingan non-muslim juga diberikan kebebasan dalam melakukan sebarang aktiviti keagamaan seperti termaktub dalam perlembagaan dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Selain disebut dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan, kedudukan Islam sebagai agama rasmi bagi negeri-negeri turut dinyatakan dalam Perlembagaan semua negeri kecuali Sarawak. Antaranya Johor dalam Perkara 57 (Bahagian 1); Kedah dalam Perkara 33A; Kelantan dalam Perkara 5; Melaka dalam Perkara 167 dan Negeri Sembilan dalam Perkara 5.

Hak dan kepentingan penganut agama lain tetap diraikan atas kapasiti mereka sebagai warganegara yang sah. Penulisan hak ini dilihat sebagai elemen penting yang mampu mengharmonikan hubungan antara bangsa dan agama dalam negara ini.

Hubungan interaksi dalam hubungan sosial dengan non-muslim di Malaysia pula menerapkan prinsip-prinsip interaksi yang sesuai dalam mengharmonikan hubungan

sosial yang terbina antara kedua-dua golongan tersebut. Secara dasarnya, terdapat beberapa kajian telah dijalankan berkaitan asas dan prinsip yang perlu difahami bagi memastikan pembinaan interaksi ini tidak terkeluar daripada kerangka keharusan syara'. Antaranya yang dilakukan oleh Zahari (2001) dan Naziree (2006) berkaitan pemeliharaan prinsip kebebasan beragama bagi masyarakat non-muslim yang telah menyatakan taat setia kepada pemerintah Islam.

Prinsip interaksi menerusi dialog antara agama pula digalakkan yang mana Islam memberi penekanan kepada pengikutnya untuk mengambil sikap inklusif terhadap kepelbagaian agama tanpa menjejaskan kerangka dan pemahaman asas berkaitan tauhid. Islam juga mengalu-alukan perbincangan secara damai tanpa mengikut emosi dan menimbulkan ketegangan. Firman Allah:

اذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*(Surah An-Nahl:125)

## **PIAGAM MADINAH MERUPAKAN LAMBANG PERHUBUNGAN ANTARA MUSLIM DAN NON-MUSLIM**

Jika dilihat perjalanan sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan Islam, satu perkara yang dapat kita teliti mengenai sejauh mana peranan Islam dalam mendahului proses pembentukan prinsip-prinsip hak asasi yang bersifat sejagat dan komprehensif manakala dunia barat masih lagi teraba-raba asas penetapan hak asasi mereka. Ini terbukti keamanan yang diberikan kepada non-muslim dinegara-negara Islam yang mana hak mereka terjamin dan terbela sama ada dari sudut Al-Quran dan As-Sunnah ataupun dari sudut perlembagaan khususnya di Malaysia.

Islam tidak menjadikan perbezaan agama sebagai faktor yang mempengaruhi pembinaan negara yang mana golongan non-muslim turut diraikan serta diletakkan pada tempat yang sewajarnya selaras kedudukan mereka sebagai manusia. Perkara ini dapat dilihat dalam lipatan sejarah ketika pemeteraian Perlembagaan Madinah yang mengandungi peruntukan dasar-dasar hak asasi manusia yang bersifat sejagat. Keperluan untuk mengharmonikan masyarakat Madinah yang dilatari oleh kepelbagaian agama dan etnik ketika itu telah menjadi tugas penting pertama yang perlu ditempuhi dan diselesaikan oleh Baginda Rasulullah (Syams al-Din Al-Sakhawi 1979). Piagam Madinah telah dibuat oleh Nabi Muhammad pada tahun



622M bersamaan tahun pertama Hijrah, merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Kandungan piagam ini terdiri daripada 47 fasal:

- 23 fasal piagam tersebut membicarakan tentang hubungan antara umat Islam sesama umat Islam iaitu antara Ansar dan Muhajirin.
- 24 fasal yang berbaki membicarakan tentang hubungan umat Islam dengan umat bukan Islam iaitu Yahudi.

Pembentukan piagam tersebut dilakukan menerusi proses yang sangat tersusun di mana Rasulullah telah mengambil masa selama hampir dua tahun bagi menyiapkan teks penuh perlembagaan itu. Fasal perjanjian dengan golongan Yahudi dilakukan sebelum tercetusnya perang Badr Al-Kubra manakala fasal selebihnya berkaitan dengan perjanjian sesama Muslim pula disudahkan pasca perang tersebut (Mahdi Rizq Allah Ahmad 1992). Peruntukan hak asasi tersebut sangat penting untuk diaplikasikan bagi memastikan proses pentadbiran ketika itu berjalan dengan lancar. Pembinaan piagam ini yang dibahagikan kepada 47 fasal secara prinsipnya menjelaskan beberapa dasar utama dalam urusan pentadbiran kerajaan iaitu:

1. pemberian kewarganegaraan : Fasal 2 menyatakan “Bahawa mereka (penduduk Madinah) adalah satu umat (bangsa) berbeza daripada manusia-manusia lain.
2. Komitmen perundingan : Fasal 13 membicarakan berkaitan kesetaraan dalam aspek perundangan iaitu, “Orang-orang beriman hendaklah menentang sesiapa yang berbuat kesalahan dan kezaliman serta bersatu menentangnya walaupun individu tersebut adalah anak salah seorang dalam kalangan mereka”.
3. Komitmen pertahanan : Fasal 18 pula menyatakan, “Bahawa setiap serangan terhadap kita hendaklah dikira sebagai serangan terhadap semua, maka hendaklah saling berganding tenaga menentangnya. Selain itu, fasal 44 juga turut menyatakan, “Bahawa setiap warga hendaklah saling membantu mempertahankan kota Madinah daripada mana-mana pihak yang ingin mencerobohnya”.
4. Komitmen kewangan : Bagi mengukuhkan sistem ekonomi dan dasar kewangan negara, Rasulullah SAW telah mewujudkan rasa kebersamaan dalam membangunkan negara sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal 37 : “Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah membiayai negara sebagaimana orang-orang beriman juga hendaklah membiayai negara”.
5. Jaminan kebebasan agama : Fasal 25 merupakan antara elemen penting yang melatari piagam tersebut iaitu peruntukan kebebasan beragama sebagaimana yang dinyatakan iaitu, “Bahawa kaum Yahudi adalah satu umat bersama orang-orang beriman, mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam).

6. Jaminan keamanan : Dalam menjamin keamanan dalam kalangan masyarakat, beberapa prinsip telah ditetapkan antaranya penghormatan terhadap hak jiran iaitu : “Bahawa jiran tetangga hendaklah diperlakukan sebagai diri sendiri, tidak boleh dilakukan terhadapnya sebarang bahaya dan dosa.” serta penghormatan maruah wanita iaitu “Tidak boleh dihampiri sebarang kehormatan wanita melainkan dengan izin keluarganya sendiri”.

Dasar awal yang telah ditetapkan oleh Rasulullah menerusi Piagam Madinah sebelum ini tidak bersifat statik namun sentiasa mengalami proses pengemaskinian serta penambahbaikan dalam usaha mewujudkan suatu hak asasi yang benar-benar bersifat sejagat dan komprehensif. Proses ini berlaku menerusi pemahaman terhadap teks-teks Al-Quran serta As-Sunnah yang diinterpretasikan oleh para sahabat dan generasi selepas mereka dalam memaparkan prinsip hubungan kenegaraan menurut Islam.

## KESIMPULAN

Islam merupakan agama yang paling menyeluruh sebagai "Way of Life" keadilan yang diberikan kepada setiap manusia tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama mampu dijadikan sebagai benteng bagi menangkis dakwaan barat bahawa agama hanya berfungsi sebagai alat kerohanian semata-mata tanpa perlu dilibatkan dalam urusan keduniaan.

Dalam konteks Malaysia, secara umum sebenarnya tahap kebebasan hak beragama masih lagi berada dalam keadaan yang baik dan terkawal. Hal ini dapat dilihat menerusi penganjuran sambutan perayaan setiap agama di peringkat kebangsaan serta kebenaran untuk mengamalkan aktiviti-aktiviti keagamaan tanpa sebarang sekatan mahupun gangguan. Hak-hak yang telah sedia terjamin ini sewajarnya dizahirkan dengan penuh penghargaan menerusi sikap saling menghormati antara satu sama lain.

Perbezaan bangsa, warna kulit, Negara, keluarga dan budaya bukan untuk membeza dan mengasingkan antara satu sama lain. Sebenarnya kelainan ini wujud untuk manusia saling mengenali dan mengasihi. Manusia itu sendiri semuanya sama dalam konteks kemanusiaan bukan mengikut warna kulit, negeri,

budaya dan sebagainya. Tiada seorang yang istimewa daripada yang lain melainkan ketakwaan kepada Allah.

Pendidikan dan pengetahuan dalam menghormati antara satu sama yang lain perlulah diterapkan dan mestilah berpaksi kepada teori ajaran Islam yang komprehensif dan menyeluruh di mana Al-Quran menjelaskan hikmah kejadian manusia yang pelbagai etnik dan budaya. Hal ini agar manusia dapat hidup bersama,

berkomunikasi dan tolong-menolong untuk hidup secara aman, membina ilmu dan kekuatan ekonomi serta teknologi dalam segala aspek kehidupan. Kebebasan beragama dalam Islam berdasarkan keyakinan untuk memilih agamanya dan nabi menjelaskan kategori Dhimmi tidak boleh disakiti dan diperangi.

Maka pendidikan bertepatan dengan fitrah manusia yang dijadikan oleh Allah. Sesungguhnya jika Allah mahu menjadikan manusia ini dengan agama yang satu, budaya yang satu dan corak yang satu itu tidak mustahil bagi Allah. Akan tetapi firman Allah:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَاؤُنَّ مَخْتَلِفِينَ

*Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka Sentiasa berselisih.* (Surah Hud:118)

Telah berkata Imam Ibn Kathir didalam tafsirnya [4/361] mengenai ayat ini, bahawasanya manusia itu akan berselisihan didalam agama, kepercayaan, mazhab, pandangan dan budaya.

## RUJUKAN

- Abu Hamid, Muhammad bin Ghazali. (1995). *Al-Mustasfa*. Beirut: Darul Kutub.
- Ahmad al-Raisuni. (1992). *Nazariyyat al-maqasid inda al-Imam al-Syatibi*, Beirut, al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Izz bin Abdul Salam (1990). *Qawaid al-ahkam fi masalih al-anam*. Beirut, Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shatibi, Al-Muafakat. (2005). *Tahqiq Abdullah Daraz*. Mesir: Darul Hadith.
- Hammad al-Obeidi. (1992). *Al-Syatibi wa maqasid al-syariah*. Tripoli: Mansyurat Kuliat al-Da'wah al-Islamiyyah.
- Muhammad Fathi al-Duraini. (1997). *Al-Manahij al-usuliyyah*. Beirut, Muassasah al-Risalah.
- <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/kebebasan-beragama-1.486418>.
- Iwad bin Muhammad al-Qarni. (1419H). *Al-Mukhtasar al-wajiz fi maqasid al-tasyri'*. Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra'.
- Mahdi Rizq Allah Ahmad (1992). *Al-Sirah Al-Nabawiyyah fi dau' al-masadir al-asliyyah: Dirasah tahliliyyah*: Riyad: t.p.
- Mohammad al-Tahir al-Misawi. (1998). *Ibn Asyur wa kitabuhu maqasid al-syariah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi.
- Naziree Md Yusof. (2006). "Toleransi beragama dan kesesuaian hukuman murtad di Malaysia." Makalah, Seminar Islam dan Hubungan antara Agama di Malaysia, Universiti Malaya, Januari 2006.